

NAMA:

KELAS:

TAJUK: HUKUM DM

Tentukan sama ada frasa bergaris adalah betul atau salah penggunaannya.

Bil.	Frasa	Betul/Salah
1	Ibu menyuruh kakak membeli sebotol <u>cili sos</u> di kedai runcit	
2	<u>Lain-lain masalah</u> yang tidak dapat diselesaikan akan dibincangkan dalam mesyuarat yang akan datang.	
3	Jualan murah itu ditawarkan oleh <u>Giant Pasar Raya</u> yang baru dibuka pada hujung minggu yang lalu.	
4	Makanan di <u>Restoran Tarmizi</u> memang enak kerana tukang masaknya didatangkan khas dari luar negara.	
5	Saya menukar tayar kereta di <u>Rizalman Kedai Servis Tayar</u> kerana tayar kereta saya telah haus.	
6	Mereka akan mengemukakan <u>agenda lain-lain</u> pada mesyuarat yang akan datang disebabkan pertemuan yang diadakan gagal mencapai kata putus.	
7	Warung <u>goreng pisang</u> itu dimiliki oleh Pak Samad sekeluarga.	
8	Semasa tinggal di asrama, kami sering dihidangi roti bakar dan <u>rebus telur</u> .	
9	Dia akan membincangkan perkara itu dengan <u>lain-lain kawannya</u> apabila mempunyai kelapangan.	
10	<u>Negara-negara Tenggara Asia</u> telah bergabung untuk membentuk pakatan yang dinamakan ASEAN	
11	Mereka telah membincangkan <u>hal-hal lain</u> sebelum mesyuarat itu ditangguhkan.	
12	Ibu memasukkan <u>perasa serbuk ayam</u> itu ke dalam gulai agar masakannya bertambah enak	
13	Dia mendapatkan rawatan di <u>Pusat Rawatan Tawakal</u> untuk mengubati penyakit buah pinggang.	
14	<u>Alat penghawa dingin</u> di rumahnya telah rosak walaupun baru dibeli pada minggu lepas.	
15	Guru disiplin telah menerangkan <u>lain-lain tindakan</u> yang akan diambil untuk mengatasi masalah ponteng dalam kalangan pelajar	